



PERBAHASAN BELANJAWAN 2020

**“PERPADUAN &
KESAKSAMAAN
MELALUI
BELANJAWAN”**



**DATO' SERI TUAN GURU
HAJI ABDUL HADI AWANG
AHLI PARLIMEN MARANG**

Menyentuh beberapa dasar penting seperti berikut:

1. Keberkatan Ekonomi



2. Kesaksamaan Ekonomi



3. Pendidikan dan Modal Insan



4. Pertanian dan Jaminan Makanan



5. Hubungan Antarabangsa



Keberkatan Ekonomi



Konsep berkat
tiada dalam
istilah lain
daripada Islam.



Sumber yang
halal, tidak
membebankan
dan
menyusahkan
rakyat.



Perbelanjaan
tidak bakhil,
tidak bocor dan
tidak
membazir.



Kerajaan tidak
berkemampuan
melakukan
reformasi yang
holistik.



Janji manifesto
PH hanya terus
tinggal janji.

Kesaksamaan Ekonomi



Pengagihan saksama di antara kaum, bandar dan luar bandar, Malaysia Timur dan Barat, Pantai Timur Semenanjung dan Pantai Barat.



Isu royalti petroleum tanda sikap pilih kasih dan tiada kesaksamaan.



Perbezaan kedudukan antara miskin bandar dengan miskin luar bandar.



Sistem ekonomi bebas tanpa kawalan yang sistematik, menjadikan kekayaan berpusing dalam kalangan kelompok tertentu.



Pendidikan & Modal Insan



Membentuk manusia berintegriti tidak cukup dengan pelajaran sahaja tanpa pendidikan.



Sistem pendidikan hendaklah mengikut acuan yang betul.



Bahasa Kebangsaan perlu diperkasakan menjadi bahasa ilmu.



Bahasa asing hanya menyokong bagi menimba ilmu daripada pihak lain.



Usaha pembelajaran Jawi kepada anak bangsa perlu disokong dan diteruskan.



Isu jaminan makanan (food security) adalah isu besar yang perlu diberikan perhatian.



Peruntukan kepada petani dan nelayan telah dikurangkan pada tahun 2020 berbanding peruntukan 2019.




Sepatutnya kerajaan membela nasib golongan tani dengan pendekatan holistik, dibangunkan teknologi pertanian, industri hiliran dan sistem pemasaran yang efektif.



Menangani masalah pencerobohan nelayan asing dan masalah hakisan ombak di sepanjang pantai.





Hubungan Antarabangsa



Membangunkan ekonomi negara dengan sumber kita sendiri, tenaga rakyat dan hasil bumi kita, serta mengambil manfaat positif daripada seluruh penjuru dunia.



Mengutamakan negara jiran dan negara yang bertimbang rasa, bukan dengan negara lain yang mahu menjajah dan menjadikan kita buah catur.



Penjualan aset, hartanah dan GLC kepada pihak asing merugikan negara dalam jangka masa panjang dan hilang peluang pekerjaan untuk anak tempatan.



Penjualan rumah kediaman (kondominium dan apartmen) kepada warga asing menyebabkan kehilangan pemilikan hartanah oleh rakyat tempatan.



PAS mendesak kerajaan membentangkan Kertas Putih mengenai penyebaran ideologi, organisasi dan aktiviti yang disyaki terlibat dengan LTTE di Malaysia.